



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## YPM PERUNTUK RM3.8 JUTA UNTUK BANTUAN PERSEKOLAHAN PELAJAR B40 TAHUN INI

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (60)

PADANG TERAP, 14 Mei -- Yayasan Pelajaran MARA (YPM) memperuntukkan sejumlah RM3.8 juta untuk bantuan persekolahan kepada pelajar kumpulan B40 tahun ini.

Menurut Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, bantuan itu memberi manfaat kepada lebih 30 ribu pelajar B40 di seluruh negara.

"Yayasan Pelajaran Mara ni adalah merupakan satu badan organisasi yang mempunyai skim bantuan untuk para pelajar kurang berkemampuan.

Jadi bantuan ni boleh berbentuk one-off kewangan, barangan dan juga kelengkapan persekolahan."

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Peringkat Parlimen Padang Terap di Pusat Khidmat Komuniti Padang Kerasak, Naka, dekat sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Mahdzir menyampaikan bantuan persekolahan YPM kepada 200 orang pelajar B40 di Padang Terap dengan nilai bantuan berjumlah RM20 ribu.

Jelas Mahdzir, YPM mempunyai tiga bentuk Skim Bantuan Persekolahan yang digerakkan secara berkala.

Skim tersebut ialah Skim Bantuan Persekolahan YPM NGO/Rakan Strategik - SBP, Skim Bantuan Khas Persekolahan (SBKP) dan Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP).

"Program bantuan ini berterusan tidak kira di mana tempat, asalkan kita dapati bahawa ada pelaporan menunjukkan bahawa ada di sekolah-sekolah tertentu dan juga di pejabat-pejabat pendidikan daerah meminta kita salurkan bantuan ataupun sumbangan daripada Yayasan Pelajaran MARA," kata Mahdzir.

Untuk rekod, tahun lalu YPM menyalurkan bantuan persekolahan berjumlah lebih RM4.1 juta kepada 53,741 orang pelajar B40 di seluruh negara.

**-TAMAT-**

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATUK SERI MAHDZIR KHALID**

**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**14 MEI 2022**

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB\\_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)